

Headline	Tabung Haji lantik 19 Pengelola Jemaah Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 May 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	19	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	769 cm <sup>2</sup>
Journalist	MAT ADMARA ALANG AZIZDIN	AdValue	RM 15,199
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,596



# Tabung Haji lantik 19 Pengelola Jemaah Haji

Mereka juga jemaah haji Tabung Haji

Senarai PJH yang diluluskan oleh Tabung Haji bagi musim haji 1437H boleh diperolehi dengan merujuk kepada notis pemberitahuan Tabung Haji disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia pada 16 Januari lalu dan di New Sunday Times sehari selepasnya.

Semakan boleh dilakukan di semua Pejabat Tabung Haji Negeri, daerah dan di masjid-masjid yang notis ini ditampal. Boleh juga melayari laman web, [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau menghubungi talian Tabung Haji Contact Center (THCC): 03-62071919 untuk maklumat lanjut.

Tujuan Tabung Haji meluluskan TH Travel dan 19 PJH ini adalah bagi memberikan pilihan kepada bakal haji menunaikan haji sama ada secara Muassasah yang dikendalikan sepenuhnya oleh Tabung Haji atau menggunakan perkhidmatan pakej haji ditawarkan oleh TH Travel atau mana-mana PJH yang diluluskan.

## bicara haji

Oleh **MAT ADMARA ALANG AZIZDIN**  
[admara@lth.gov.my](mailto:admara@lth.gov.my)  
 Pengurus Besar (Agensi Haji)



**B**AGI musim haji 1437 Hijrah bersamaan dengan 2016 Masihi, Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) meluluskan TH Travel & Services Sdn. Bhd. (TH Travel), iaitu anak syarikat milik penuhnya dan 19 agensi pelancongan tempatan yang dikenali sebagai Pengelola Jemaah Haji (PJH) untuk menawarkan perkhidmatan pakej haji. Kelulusan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta 535, Akta Tabung Haji 1995.

Sehubungan itu, bakal haji yang menerima surat tawaran menunaikan haji pada tahun ini dan berhasrat menggunakan perkhidmatan pakej haji yang disediakan oleh TH Travel atau satu dari 19 PJH yang diluluskan, mereka boleh berhubung terus dengan TH Travel atau dengan PJH berkenaan. Tarikh akhir untuk berbuat demikian ialah pada 5 Jun ini. TH Travel dan setiap PJH juga

mengeluarkan Brosur Perkhidmatan Pakej Haji. Jemaah haji berhak mendapatkan apa-apa perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam brosur tersebut. Harga pakej ditawarkan di dalam brosur adalah berbeza bergantung kepada jenis pakej dan perkhidmatan ditawarkan. Harganya adalah termasuk Bayaran

Haji PJH 1437H sebanyak RM9,075.00. Bayaran ini akan didebitkan daripada akaun Tabung Haji bakal haji.

### NILAI TAMBAH

Bakal haji hanya perlu membuat bayaran kepada PJH perbezaan di antara harga perkhidmatan pakej haji dan bayaran haji. Selaras dengan bayaran tambahan dikenakan, jemaah yang memilih perkhidmatan pakej haji bakal mendapat perkhidmatan nilai tambah seperti penginapan lebih dekat dengan Masjidilharam atau Masjid Nabawi, keadaan bilik yang lebih selesa, makan dan minum secara buffet termasuk sarapan pagi dan nisbah petugas yang lebih ramai untuk menjaga kebajikan jemaah haji.

Semua jemaah yang menunaikan haji melalui TH Travel atau melalui

■ Sekiranya gagal memberikan perkhidmatan yang dijanjikan, jemaah haji PJH perlu membuat aduan semasa masih berada di Tanah Suci. Ia bagi membolehkan Pasukan Pemantau melakukan siasatan dan mendapatkan bukti ke atas aduan tersebut. Sekiranya aduan dibuat setelah kembali semula ke Malaysia, siasatan dan bukti susah atau tidak boleh diperolehi.

mana-mana PJH adalah juga jemaah haji Tabung Haji. Mereka layak menggunakan perkhidmatan disediakan Tabung Haji semasa berada di Tanah Suci. Antaranya, perkhidmatan pengeluaran wang, perubatan, kaunseling, Talian Ibadah tanpa dikenakan sebarang bayaran iaitu sama seperti jemaah haji Muassasah lain.

### PEMANTAUAN KETAT

Bagi memastikan jemaah haji menerima perkhidmatan seperti yang dijanjikan, perkhidmatan TH Travel dan PJH masing-masing akan dipantau dan dinilai oleh Pasukan Pemantau yang dilantik oleh Tabung Haji bermula daripada pendaftaran jemaah haji, pengurusan pasport, keberangkatan jemaah haji dari tanah air ke Tanah Suci, sepanjang masa semasa jemaah haji berada di Tanah Suci dan sehinggalah mereka pulang semula ke Malaysia.

Empat perkhidmatan utama yang dipantau itu ialah penginapan, makan dan minum, proses pergerakan jemaah dan perkhidmatan kebajikan yang diberikan oleh petugas TH Travel dan PJH kepada jemaah haji masing-masing.

Jika jemaah haji didatangi oleh seseorang yang mengaku sebagai wakil atau agen kepada syarikat PJH dan menawarkan perkhidmatan pakej haji, bakal haji hendaklah memastikan mereka mempunyai surat pelantikan sah yang menggunakan 'letter head' PJH bagi mengelak berlakunya penipuan.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, mereka boleh berhubung terus dengan PJH terbabit. Mana-mana individu atau agensi pelancongan yang menawarkan perkhidmatan pakej haji tanpa memperoleh lesen PJH daripada Tabung Haji adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Oleh itu, jemaah haji yang berhasrat menunaikan haji dengan menggunakan perkhidmatan pakej haji adalah dinasihatkan untuk menggunakan perkhidmatan pakej haji disediakan oleh TH Travel atau mana-mana PJH yang diluluskan lesen tahun semasa oleh Tabung Haji sahaja.